



# PERSADA

**Pemasyhuran Canselor  
UNIMAS yang ke-3**

*TUN PEHIN SRI HAJI ABDUL  
TAIB MAHMUD*

**Pro Canselor Universiti  
Malaysia Sarawak  
yang baharu**

*YAB Datuk Patinggi Tan  
Sri (Dr) Haji Adenan Haji  
Satem*


**Penerima Ijazah  
Kehormat**

*Yang Amat Berbahagia  
Tun Datuk Patinggi  
Abang Haji Muhammad  
Salahuddin*

**Penerima Ijazah  
Kehormat**

*Hijas Kasturi*

**TAHNIHAH**  
**GRADUAN KONVOKESYEN**  
**UNIMAS 2014**



Penerima Ijazah Kehormat  
Ijazah Kehormat  
Doktor Seni Gunaan dan Kreatif

# Hijas Kasturi

## Cendekia Seni Bina

Oleh: Prof Madya Zulkainain Zainal Abidin & Anuar bin Ayob

Ar Hijas Kasturi, sebuah nama besar yang tidak asing lagi di persada seni bina negara dengan mengilhamkan lakaran serta rekabentuk bangunan-bangunan yang memaparkan dimensi yang unik dan ikonik. Di sebalik portfolio beliau yang cemerlang, tersemat sebuah personaliti yang penuh sopan santun, lemah lembut dan amat mesra membuatkan beliau senang didampingi serta ditemubual. Biarpun ditauliahkan sebagai seorang graduan senibina luar negara, sifat jati diri beliau terhadap agama, bangsa serta budaya negara ini amatlah mendalam, dan ini dibuktikan menerusi rekabentuk bangunan-bangunan yang tersergam indah dengan penerapan elemen-elemen yang berpaksaan identiti Malaysia serta interpretasi seni tersendiri.

Minat beliau dalam kategori bidang seni guna dipupuk semenjak dari kecil lagi dengan berlatarbelakangkan ilmu seni daripada ayahnya yang mahir sebagai seorang tukang rumah, serta ibunya yang merupakan pencanting batik. Kisah kehidupan sewaktu kecil beliau yang serba kekurangan dan daif telah menyuntik semangat untuk mengharungi hidup dengan gigih dan membina kejayaan luar biasa. Keadaan itu jugalah yang membentuk perwatakannya yang kreatif dan inovatif dalam menjana idea-idea di luar arus kebiasaan dan berani menceburi bidang yang jarang ditorki oleh orang Melayu pada ketika itu.

Rentetan kegemilangannya beliau bermula pada tahun 1958 apabila telah dianugerahkan biasiswa Colombo Plan untuk menyambung pengajian senibina di University of Adelaide dan University of Melbourne di Australia. Beliau mengambil masa selama 7 tahun menuntun dalam bidang senibina serta perancangan bandar dengan memperolehi ijazah Bachelor of Architecture pada tahun 1965, seterusnya kembali bertugas di Singapura dalam bidang yang sama. Melihat kepada bakat dan potensi luar biasa dimiliki, beliau telah dipilih oleh pihak pengurusan Maktab Latihan Rural and Industrial Development Authority (RIDA) yang kini lebih dikenali sebagai Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada tahun 1967 untuk menubuhkan Pusat Pengajian Seni dan Senibina dengan menawarkan ijazah senibina pertama di Malaysia, dan seterusnya menerajui pusat pengajian tersebut sebagai Dekan dari tahun 1968 sehingga 1970. Bukan sekadar itu, malah beliau juga merupakan perancang utama dalam pembinaan Kompleks UiTM, Shah Alam.

Pada tahun 1970, beliau telah mengilhamkan perubahan Arkitek Bersekutu Malaysia bersama rakan-rakan. Selang 8

tahun kemudian iaitu pada tahun 1977, beliau terus bergerak ke hadapan dengan menubuhkan syarikat senibina dan perancangan bandar sendiri yang dikenali sebagai Hijas Kasturi Associate Sdn. Bhd (HKAS). Penubuhan syarikat ini telah berjaya merubah landskap senibina dan pembangunan bandar di

Malaysia dengan munculnya bangunan-bangunan kontemporari bertaraf antarabangsa yang unik serta inovatif, dijemakan melalui garapan elemen-elemen identiti budaya bangsa yang tersendiri. Antara senibina ikonik yang lahir dari idea Ar Hijas Kasturi adalah Dewan Undangan Negeri Sarawak, Bangunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Putra Jaya International Convention Centre (PICC), Menara TM, Menara Maybank, Bangunan Satelit KLIA, Stadium Shah Alam, Bangunan Dewan



Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Bangunan Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Dewan Suarrah Kuching, Stadium Sarawak serta banyak lagi bangunan-bangunan lain yang telah menghisap indah persada lanskap senibina Malaysia.

Atas berkat ilmu pengetahuan yang luas, keunikan serta kesenian rekabentuk, daya usaha, kreativiti dan keberanian menampilkan idea-idea luar biasa, Ar Hijas Kasturi telah dianugerahkan antaranya Award for Kuching Civic Centre - Association of Engineers, California, USA pada tahun 1989, Asean Arts Award pada tahun 1990, 12th Tokyo Creation Award pada tahun 1998, Securities Commissions Headquarters - Excellence Award in Architecture Commercial Building Category, Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) Gold Medal Award atas sumbangan luar biasa beliau dalam bidang senibina di Malaysia pada tahun 2001, Putrajaya Waterfront Development - Best Waterfront Development - Future, Cityscape Asia Awards 2009, Anli Kehormat (AM) the General Division of the Order of Australia pada tahun 2013 dan juga anugerah akademik doktor kehormat dari universiti dari dalam dan luar negara. Ketajaman pemikiran dan minat menabur ilmu kepada generasi muda membuatkan beliau dilantik sebagai profesor jemputan serta penasihat akademik bagi bidang senibina bukan sahaja untuk universiti tempatan, malah di seluruh dunia.

Sememangnya, Ar Hijas Kasturi adalah seorang insan terpilih yang dianugerahkan dengan kreativiti, bakat luar biasa, disulami jati diri tulus serta pengalaman luas dalam melakar dan merealisasikan rekabentuk senibina mengikut acuan budaya yang unik dan tersendiri di Malaysia. Kesemua itulah yang menjadi formula kejayaan luar biasa beliau dalam merekabentuk bangunan-bangunan yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia kini dan selamanya.